Title	[Akronim]
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1982 Muhammad Ariff bin Ahmad

SBC Radio 2 82 05

Haji Muhammad Ariff Ahmad
Siri Bimbingan Bahasa Melayu

Telah kita bincangkan tentang "akronim" dalam dua rancangan yang lalu.

"Akronim" ialah kekata singkatan dari sesuatu frasa; tetapi ini tidak bererti bahawa semua singkatan-singkatan dari frasa itu adalah akronim. Banyak juga singkatan-singkatan frasa yang bukan akronim, misalnya:

KGMS singkatan bagi Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura;

JHDP singkatan bagi Jawatankuasa Haiah Dakwah Pusat;

MP singkatan bagi Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura;

PPIS singkatan bagi Persatuan Pemudi Islam Singapura,

dan berbagai-bagai lagi.

Kita boleh melihat ciri-ciri yang menonjol untuk membezakan antara singkatan yang "akronim" dan singkatan yang "bukan-akronim".

Singkatan-singkatan yang "akronim" ialah singkatan yang boleh dibaca sebagai sebuah kekata; dan terdapat kekata-kekata "akronim" yang sebutannya menyamai kekata-kekata biasa yang membawa makna leksikalnya sendiri-sendiri.

Contoh-contoh "akronim" yang hanya membawa makna akronim itu sendiri ialah seperti, misalnya:

Jejatas = Jejalan Atas

Jabanah = Jalan Bawah Tanah

Penukeh = Pendidikan Untuk Kehidupan

Cereka = Cerita Rekaan (fiction)

Cerpen = Cerita Pendek

Purata = Pukul rata (average)

dan yang sebagainya.

Contoh-contoh "akronim" yang sebutannya menyamai kekata-kekata biasa mempunyai makna leksikalnya masing-masing ialah seperti:

more...

Mara (Majlis Amanah Rakyat) menyamai kekata biasa yang bermakna maju, bergerak ke hadapan;

Asas (Angkatan Sasterawan) menyamai kekata biasa yang bermakna dasar, yang paling mula;

Mendaki (Majlis Pendidikan Anak-anak Islam) menyamai kekata biasa yang bermakna memanjat, naik ke atas,

dan yang sebagainya.

Singkatan-singkatan yang bukan-akronim tak boleh dibaca sebagai sebuah kekata. Singkatan ini dibaca dengan menyebutkan huruf-hurufnya, misalnya:

KGMS (Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura) dibaca Ke-Ji-Em-Es;

JHDP (Jawatankuasa Haiah Dakwah Pusat) dibaca Je-Ec-Di-Pi;

LBKM (Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud) dibaca El-Bi-Ke-Em,

dan sebagainya.

Ciri yang lain ialah: "akronim" dituliskan sebagai sebuah kekata dengan huruf kecil; boleh juga dengan huruf besar, tetapi singkatan yang bukan-akronim mestilah dituliskan dengan HURUF BESAR.

endit